



13 Februari 2015
13 February 2015
P.U. (A) 27

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI PULAU PINANG) (PINDAAN) 2015

WATER SERVICES INDUSTRY (RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES) (STATE OF PENANG) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI PULAU PINANG)
(PINDAAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2015.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2015.

Penggantian Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) 2010 [P.U. (A) 334/2010], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

<i>Jenis penggunaan</i>	<i>Jumlah penggunaan</i>	<i>Kadar setiap meter padu</i> <i>(RM)</i>	<i>Kadar minimum</i> <i>(setiap bulan)</i> <i>(RM)</i>
1. Domestik (kadar meter individu)	(a) 0 meter padu dan sehingga 20 meter padu	0.22	2.50
	(b) melebihi 20 meter padu dan sehingga	0.46	

	40 meter padu		
	(c) melebihi 40 meter padu dan sehingga 60 meter padu	0.68	
	(d) melebihi 60 meter padu dan sehingga 200 meter padu	1.17	
	(e) melebihi 200 meter padu	1.30	
	(f) surcaj pemuliharaan air bagi penggunaan air melebihi 35 meter padu sebulan di premis kediaman	0.48	
2.	Domestik (kadar meter pukal)	(a) 0 meter padu dan sehingga 90 meter padu	26.00
		(b) melebihi 90 meter padu	0.35
3.	Perniagaan (biasa)	(a) 0 meter padu dan sehingga 20 meter padu	0.85
		(b) melebihi 20 meter padu dan sehingga 40 meter padu	1.05
		(c) melebihi 40 meter padu dan sehingga 200 meter padu	1.30
		(d) melebihi 200 meter padu	1.45
4.	Perniagaan (khas)	kadar rata	3.00
5.	Perkapalan	kadar rata	7.00
6.	Perusahaan memproses semula air	kadar rata	7.00
			50.00".

Penggantian Jadual Kedua

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

[Peraturan 3]

JENIS PENGGUNAAN

<i>Jenis Penggunaan</i>	<i>Perihalan</i>
1. Domestik (kadar meter	<ul style="list-style-type: none"> (a) Premis kediaman individu (b) Institusi keagamaan (c) Rumah anak yatim (d) Kuarters dan berek (termasuk kerajaan, majlis perbandaran, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun) (e) Rumah kebajikan (f) Institusi kerajaan
2. Domestik (kadar meter pukal)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Rumah kediaman yang penghuninya melebihi 16 orang (b) Institusi dan sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan yang penggunaannya tidak dianggap oleh pemegang lesen perkhidmatan sebagai penggunaan perniagaan
3. Perniagaan (biasa)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Hotel (b) Kedai kopi (c) Restoran dan gerai (d) Bangunan pejabat dan bengkel (termasuk kerajaan, majlis perbandaran, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun) (e) Bangunan komersial dan bank

- (f) Gudang
 - (g) Kilang
 - (h) Sekolah dan universiti swasta
 - (i) Hospital swasta
 - (j) Kolam renang dan tempat mandi awam
 - (k) Paip awam
 - (l) Taman tema dan tempat hiburan
 - (m) Kelab dan pertubuhan
 - (n) Pusat komuniti seperti dewan komuniti
4. Perniagaan (khas)
- (a) Pusat cucian kereta
 - (b) Kedai dobi
 - (c) Pili bomba:
 - (i) Kediaman domestik (bangunan bertingkat tinggi)
 - (ii) Bangunan komersial dan kilang
 - (d) Kilang membuat ais dan air mineral
 - (e) Pembuatan sampan
 - (f) Bekalan air digunakan sebagai bekalan sementara
 - (g) Tapak pembinaan
 - (h) Perkhidmatan kontraktor
 - (i) Keraian atau majlis di tempat terbuka
 - (j) Bangunan yang diberi lesen pendudukan sementara
5. Perkapalan
- Pengguna yang membekalkan air kepada kapal yang berlabuh di pelabuhan